

25/06/2003

Dr Mahathir mahu Bumiputera berilmu

Salina Abdullah; Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Bumiputera boleh bersaing dan menghadapi perubahan dunia jika dapat mengubah budaya, sikap

dan melengkapkan diri dengan ilmu.

Perdana Menteri berkata, bagi mencapai hasrat itu, Bumiputera tidak boleh bergantung kepada keupayaan sedia ada untuk bersaing dalam dunia yang pantas berubah.

"Sudah tentu kita tidak boleh berjalan dengan kelajuan kereta lembu. Kalau kita cuma cekap berjalan dengan kereta lembu tidak mungkin kita dapat bawa jet.

"Oleh itu, kita perlu tingkatkan ilmu yang ada, kecekapan yang ada pada

kita, selain sikap yang ada pada kita. Dengan itu kita dapat tangani semua

masalah yang berlaku, yang dibawa globalisasi, modenisasi dan perkembangan

ekonomi dunia yang begitu pantas ala jet," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Husni Hanadzlah (BN-Tambun), di Dewan Rakyat semalam, Dr Mahathir berkata, kerajaan bukan saja menyediakan peluang bagi membolehkan Bumiputera mencapai kemajuan, malah latihan dan penerangan supaya Bumiputera memahami dan bersaing dalam aliran ekonomi masa kini.

Menjawab soalan asal Husni, Perdana Menteri mengakui pencapaian Bumiputera dalam bidang ekonomi, sains dan teknologi belum mencapai matlamat yang dihasratkan, sekali pun banyak kemajuan dicapai golongan berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan sedar pencapaian Bumiputera secara umumnya masih rendah dan terjejas akibat perkembangan ekonomi yang lembap.

"Perkembangan ini sememangnya membimbangkan. Tetapi yang pasti, kita harus sedar bahawa kejayaan tidak hanya bergantung kepada usaha kerajaan.

"Bumiputera perlu menyahut cabaran ini. Bumiputera perlu sanggup berusaha dan bekerja lebih keras untuk memperkukuhkan asas yang ada dan meningkatkan daya saing, khususnya menghadapi masa depan dan era globalisasi," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mustafa Ali (Pas-Dungun) mengenai pegangan ekuiti Bumiputera yang masih rendah, Dr Mahathir berkata kebanyakan saham kini dipegang agensi yang juga milik Bumiputera.

Perdana Menteri menafikan dakwaan pembangkang kononnya kerajaan Barisan

Nasional (BN) bersikap pilih kasih ketika memberi peluang kepada rakyat.

"Ada individu yang berjaya menjadi ahli Dewan Rakyat Pas. Ini menunjukkan kita tiada pilih kasih. Kita beri peluang tapi kadang-kadang kita bagi peluang, orang gigit tangan kita..susahlah nak bagi kali kedua.

"Sebab lain individu Bumiputera tidak begitu berjaya ialah kerana sifat

mereka. Apabila beri mereka peluang, mereka jual pada orang lain, beri

kontrak...jual kontrak, beri saham...jual saham," katanya.